



INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA
(Malaysian Agricultural Research and Development Institute)

IKLAN JAWATAN KOSONG

TARIKH BUKA IKLAN : 25 OKTOBER 2021

MARDI sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia mempelawa warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut :-

JAWATAN	:	PEGAWAI TADBIR GRED N41	
Klasifikasi	:	Pentadbiran Dan Sokongan	
Kumpulan	:	Pengurusan Dan Profesional	
Taraf Jawatan	:	Tetap/Kontrak (<i>Contract of Service</i>)	
Jadual Gaji	:	Gred N41 Gaji Minimum RM2,080.00	Gaji Maksimum RM9,546.00
1. Syarat Lantikan	:	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: (a) Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (<i>Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00</i>); atau (b) Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (<i>Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43</i>). 2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. 3. Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, Setiausaha Pejabat, Penghulu, Penolong Pengurus Asrama, Penolong Pegawai Tanah atau Penolong Pentadbir Tanah adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara	

Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) Mempunyai kelayakan di perenggan 1; atau
- (b) Had umur pelantikan:
 - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

- 4. Ringkasan Tugas** : Merancang, menggubal dan melaksana dasar-dasar awam mengenai pengurusan sumber tenaga manusia dan organisasi, sumber kewangan, pentadbiran, perundangan, hubungan antarabangsa dan hal ehwal luar negeri, pengurusan keselamatan, pengurusan teknologi maklumat serta memberi khidmat pakar runding seni reka dan pengurusan perpustakaan/penerbitan.
- 5. Keutamaan kepada calon** : Mempunyai kelayakan di perenggan 1 dan berpengetahuan serta berkemahiran dalam bidang berikut:
- (a) Pengurusan dan Pentadbiran;
 - (b) Kewangan/Perakaunan;
 - (c) Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT);
 - (d) Pengajian Islam;
 - (e) Psikologi/Kaunseling;
 - (f) Perundangan;
 - (g) Komunikasi;
 - (h) Seni Reka; atau
 - (i) Pengurusan Perpustakaan/Penerbitan

CARA MEMOHON:

- i) Semua permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui Sistem Permohonan Jawatan MARDI (e-jawatan) sepenuhnya dengan melayari <http://ejawatan.mardi.gov.my/> (*Tidak perlu mengemukakan resume atau permohonan secara manual*)
 - a. **Mendaftar di Sistem Permohonan Jawatan MARDI (e-jawatan)**
 - b. **Memohon jawatan yang berkaitan**
- ii) Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap disertakan salinan dokumen yang diperlukan berserta dengan gambar formal terkini dan berukuran passport (Gambar swafoto/selfie tidak dibenarkan). **Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.**

- iii) Pemohon hendaklah mengemukakan maklumat perhubungan (nombor untuk dihubungi dan alamat emel) yang terkini.
- iv) Permohonan yang **lewat diterima dan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan**. Manakala, calon yang berkelayakan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemuduga.
- v) Hanya calon yang layak selepas sesi tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga dan permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan maka permohonan jawatan ini adalah **tidak berjaya**.
- vi) Hanya calon yang telah **lengkap divaksinasi** sahaja yang akan dipertimbangkan untuk dilantik ke jawatan ini.

TARIKH TUTUP IKLAN : 12 NOVEMBER 2021

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian 03-8953 7043/7037

Peringatan:

- i) *Selain daripada syarat dan keutamaan yang dinyatakan di dalam iklan, calon yang memohon juga dikehendaki untuk mematuhi perkara berikut:*
 - a. *Calon adalah sihat untuk berkhidmat;*
 - b. *Tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah;*
 - c. *Tidak pernah dibuang kerja;*
 - d. *Bukan penagih dadah;*
 - e. *Tidak memiliki kewarganegaraan asing;*
 - f. *Bukan seorang bankrap;*
 - g. *Tidak dibersarakan atas sebab kesihatan; dan*
 - h. *Tidak pernah ditamatkan perkhidmatan dari perkhidmatan awam.*
- ii) *Calon yang dilantik perlu akur terhadap penempatan/tempat bertugas yang ditentukan dari semasa ke semasa demi kepentingan Institut.*